

<b>Headline</b>	<b>Pelan induk pulih Cameron Highlands dalam tempoh enam bulan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Feb 2015</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Circulation</b>	<b>178,211</b>
<b>Page No</b>	<b>12</b>	<b>Readership</b>	<b>534,633</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>157 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,103</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 9,309</b>



# Pelan induk pulih Cameron Highlands dalam tempoh enam bulan

**KUALA LUMPUR** 4 Feb. - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa diberi tempoh kira-kira enam bulan untuk merangka pelan induk bagi memulihkan kembali Cameron Highlands yang terjejas teruk kerana pencerobohan tanah dan insiden banjir lumpur.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Zonal Azha Yusof berkata, jabatan itu diberikan tanggungjawab tersebut oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Banjir Kilat di Cameron Highlands yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

“Memang kita sedang berusaha, kita ada pelan tindakan, kita mahu mengembalikan Cameron Highlands seperti sebelum ini,” katanya dalam sidang akhbar sempena program lawatan bekas

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di sini hari ini.


Semalam, Muhyiddin meluahkan rasa dukacita dengan pencerobohan di tanah tinggi Cameron Highlands yang terus berlaku meskipun operasi penguatkuasaan giat dijalankan.

Lebih membimbangkan apabila penceroboh begitu berani men-

cabar pihak berkuasa dan Cameron Highlands berkemungkinan tidak dapat bertahan lama sekiranya aktiviti haram itu berterusan.

Kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh di Kampung Raja, pekan Ringlet dan Lembah Bertam di Cameron Highlands pada 5 November tahun lalu, mengakibatkan lima kematian dan lebih 90 mangsa daripada 28 keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan di Dewan Serbaguna Orang Ramai, Ringlet.

Penerokaan tanah secara haram dikatakan antara faktor berlaku banjir dan tanah runtuh di daerah tanah tinggi ini.



ZOAL AZHA YUSOF